

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

IDEAS Welcomes Prime Minister's Announcement on Rationalisation of Statutory Bodies, Calls for Detailed Implementation Plan

Kuala Lumpur, 6 September 2024: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) welcomes Prime Minister Dato' Sri Anwar Ibrahim's announcement on the government's plan to rationalise Federal Statutory Bodies (FSBs), a critical step towards enhancing the efficiency and effectiveness of public service delivery and the use of government resources.

Federal Statutory Bodies play a significant role in the provision of public services and spurring economic development. The 2022 Auditor General Report lists 132 Federal Statutory Bodies within its audit mandate. Some of these entities are regulatory bodies such as the Bank Negara Malaysia, the Inland Revenue Board, and port authorities. But there also are entities that are mandated to implement policies, including spurring economic development and providing public services, such as public universities, MARA, FELDA, and Tabung Haji. Their role in the economy is substantial as many own government-linked companies, and in 2022, the total assets of the FSBs amounted to RM2.492 trillion. As government agencies, the FSBs receive annual allocations and sometimes are given debt facilities by the government. In some cases, some of their debts amount to 6.4% of total public sector debts and are also guaranteed by the government. In 2022, the allocation to FSBs was 5.1% of the annual budget, and the FSBs' debt (almost all are guaranteed by the government) represents 5.1% of GDP.

While many of these entities have their own purposes, there are entities which seem to have overlapping functions and mandates, such as those working to foster regional development. There are at least eight entities that are given the mandate to promote regional economic development; four of them (KEDA, KESEDAR, KETENGAH, KEJORA) were established in the 1970s, one in the 1980s (PERDA), while the remaining three entities (ECERDC, NCIA, IRDA) were established in the early 2000s.

"Overlapping mandates could result in inefficiencies and wastage of resources, especially if they work on similar focus areas and do not coordinate their efforts and programs. Coordination issues also arise when these agencies are managed by different ministries. The rationalisation exercise offers an opportunity to streamline operations, reduce wastage, and improve government service delivery. A rationalisation exercise, which could reduce the number of FSBs, would provide the government with some fiscal space, albeit small. It would also reduce the complexity of fiscal risk that the government has to manage", said Sri Murniati Yusuf, Senior Director of Research at IDEAS.

IDEAS also urges the government to maintain transparency throughout this process by keeping the public informed of the progress, clear timeline, and outcomes of the rationalisation efforts. Stakeholder engagement and feedback will be crucial to ensuring that these reforms meet the needs of the people and contribute to the overall goal of a more efficient, responsive, and accountable government. Considering the work IDEAS has done on FSBs and state-owned enterprises (SOE) reform over the years, we are ready to participate in any consultations the government organises in the future.

[ENDS]

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,
visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

IDEAS Sambut Baik Pengumuman Perdana Menteri tentang Rasionalisasi Badan Berkanun dan Seru Perancangan Terperinci

Kuala Lumpur, 6 September 2024: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengalu-alukan pengumuman Perdana Menteri Dato' Sri Anwar Ibrahim mengenai rancangan kerajaan untuk merasionalisasikan Badan Berkanun Persekutuan (FSB), satu langkah kritikal ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam serta penggunaan sumber kerajaan.

Badan Berkanun Persekutuan memainkan peranan penting dalam penyediaan perkhidmatan awam dan merangsang pembangunan ekonomi. Laporan Ketua Audit Negara tahun 2022 menyenaraikan 132 Badan Berkanun Persekutuan di bawah mandat auditnya. Beberapa entiti ini merupakan badan pengawal selia seperti Bank Negara Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, dan pihak berkuasa pelabuhan. Namun, terdapat juga entiti yang diberi mandat untuk melaksanakan dasar, termasuk merangsang pembangunan ekonomi dan menyediakan perkhidmatan awam, seperti universiti awam, MARA, FELDA, dan Tabung Haji. Peranan entiti ini dalam ekonomi adalah besar memandangkan kebanyakannya memiliki syarikat berkaitan kerajaan, dan pada tahun 2022, jumlah aset FSB adalah sebanyak RM2.492 trilion. Sebagai agensi kerajaan, FSB menerima peruntukan tahunan dan kadangkala diberikan kemudahan hutang oleh kerajaan. Dalam beberapa kes, hutang mereka berjumlah 6.4% daripada jumlah hutang sektor awam dan turut dijamin oleh kerajaan. Pada tahun 2022, peruntukan kepada FSB adalah 5.1% daripada belanjawan tahunan, dan hutang FSB (hampir semuanya dijamin oleh kerajaan) mewakili 5.1% daripada KDNK.

Walaupun kebanyakan entiti ini mempunyai tujuan tersendiri, terdapat entiti yang seolah-olah mempunyai fungsi dan mandat yang bertindih, seperti yang berfungsi untuk memajukan pembangunan wilayah. Terdapat sekurang-kurangnya lapan entiti yang diberi mandat untuk mempromosikan pembangunan ekonomi wilayah; empat daripadanya (KEDA, KESEDAR, KETENGAH, KEJORA) ditubuhkan pada tahun 1970-an, satu pada tahun 1980-an (PERDA), manakala tiga entiti lain (ECERDC, NCIA, IRDA) ditubuhkan pada awal tahun 2000-an.

"Mandat yang bertindih boleh mengakibatkan ketidakcekapan dan pembaziran sumber, terutamanya jika entiti ini terlibat dalam bidang tumpuan yang serupa dan tidak menyelaraskan usaha serta program mereka. Masalah penyelarasan juga timbul apabila agensi ini dikendalikan oleh kementerian yang berbeza. Rasionalisasi memberikan peluang untuk menyelaraskan operasi, mengurangkan pembaziran, dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan. Tindakan ini, yang berkemungkinan mengurangkan jumlah FSB, akan memberikan kerajaan sedikit ruang fiskal. Ia juga akan mengurangkan kerumitan risiko fiskal yang perlu diuruskan oleh kerajaan," kata Sri Murniati Yusuf, Pengarah Kanan Penyelidikan di IDEAS.

IDEAS juga menggesa kerajaan untuk sentiasa telus sepanjang proses ini dengan memaklumkan kepada orang awam tentang kemajuan, garis masa yang jelas, dan hasil daripada usaha rasionalisasi. Penglibatan dan maklum balas pihak berkepentingan akan menjadi kunci untuk memastikan pembaharuan ini memenuhi keperluan rakyat dan menyumbang kepada matlamat keseluruhan untuk sebuah kerajaan yang lebih cekap, responsif, dan bertanggungjawab. Memandangkan usaha bertahun-tahun yang telah dilakukan oleh IDEAS mengenai pembaharuan FSB dan perusahaan milik negara (SOE), kami bersedia untuk menyertai sebarang sesi perundingan yang dianjurkan oleh kerajaan pada masa hadapan.

[TAMAT]

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari www.ideas.org.my